

60 pelajar UMS Sertai

'Finishing School Programme'

UB 4-4-2017 A8

KOTAKINABALU: Finishing School Programme anjuran Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapat sambutan hangat 60 pelajar UMS, baru-baru ini.

Menurut Pengarah Program Nur Syafiqah Sa'adatul Hana program itu yang diadakan di Auditorium Perpustakaan UMS itu memberi peluang kepada para pelajar membuat persiapan awal sebelum menempuh alam pekerjaan.

"Selain itu, program ini membuka peluang kepada mahasiswa tahun akhir untuk mencari tempat bagi tujuan latihan industri serta membantu graduan yang masih belum mendapat pekerjaan," katanya.

Katanya antara pengisian program itu termasuklah slot ceramah bertajuk '*Choosing Your Career*' telah disampaikan



NURUL Fatiha menyampaikan ceramah.

oleh penceramah jemputan, Pegawai Psikologi dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Nurul Fatiha Firdaus Roslan.

Pada slotnya itu, Nurul

Fatiha memberi pencerahan mengenai tajuk yang diberikan serta memberi panduan arah tuju para pelajar selepas menamatkan pengajian kelak.



SEBAHAGIAN peserta bergambar kenangan bersama Nurul Fatiha.